

PEMBANGUNAN MODUL PRINSIP EKONOMI DALAM
TOPIK TEORI PERMINTAAN DAN PENAWARAN BAGI
PELAJAR DIPLOMA DI POLITEKNIK

SITI MAHANOM BINTI SHAIK ISMAIL

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUi TTHO



3 0000 00071056 0



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: PEMBANGUNAN MODUL PRINSIP EKONOMI DALAM TOPIK TEORI
PERMINTAAN DAN PENAWARAN BAGI PELAJAR DIPLOMA DI
POLITEKNIK

SESI PENGAJIAN: 2003/2004

Saya, SITI MAHANUM BINTI SHAIK ISMAIL (800409-10-5736)
 (HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi /badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

Anum

(TANDATANGAN PENULIS)

[Signature]

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap:

LOT 659, BATU 11 ¼ KAPAR

42200 KAPAR KLANG

SELANGOR DARUL EHSAN

PN. YUSMARWATI BINTI YUSOF

Nama Penyelia

Tarikh: 6/10/03

Tarikh: 6/10/03

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan

- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini
adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah
Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : 

Nama Penyelia : PN. YUSMARWATI BINTI YUSOF

Tarikh : 6 SEPTEMBER 2003



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**PEMBANGUNAN MODUL PRINSIP EKONOMI DALAM TOPIK TEORI
PERMINTAAN DAN PENAWARAN BAGI PELAJAR DIPLOMA DI
POLITEKNIK**

SITI MAHANUM BINTI SHAIK ISMAIL

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

SEPTEMBER 2003

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : *Anum*
Nama Penulis : SITI MAHANUM BINTI SHAIK ISMAIL
Tarikh : SEPTEMBER 2003



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Istimewa Buat Abah Dan Emak Yang Tersayang

En. Shaik Ismail Bin Shaik Ibrahim dan Puan Jamaliah Bt. Hj Shamsudin

Segala pengorbanan dan kasih sayang yang dicurahkan tanpa rasa jemu tidak dapat dibalas buat selama-lamanya. Semoga Allah s.w.t. melindungi dan merahmati hidup kalian buat selama-lamanya

Buat Kembar Yang Dikasih

Siti Mahani Bt. Shaik Ismail

Terima Kasih di atas segala dorongan, kasih sayang dan bantuan yang diberi

Buat Abang Dan Adik-Adik Yang Dikasih

Along, Kakak, Kajar, Abu, Adik dan Kaiqal

Terima kasih di atas segala sokongan dan kasih sayang yang diberi. Semoga kalian akan terus berjaya!

Buat Nenda Berdua

Hj. Shamsudin Bin Alang dan Hajah Malijah Bt. Yaakob

Kasih sayang dan nasihat yang kalian berikan amat berharga

Buat Rakan Seperjuangan Yang Banyak Membantu

Kak Tie, Mili Dan Zu serta rakan-rakan yang lain

Terima kasih atas segalanya.....



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKUN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dengan rahmat dan keizinan-Nya, serta berkat dan sokongan pelbagai pihak, akhirnya saya dapat menyiapkan dan menyempurnakan projek sarjana ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih kepada penyelia kajian ini, Puan Yusmarwati Binti Yusof di atas segala tunjuk ajar dan dorongan yang telah diberikan sepanjang menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada pihak Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan penyelidikan ini. Ucapan jutaan terima kasih ditujukan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Perdagangan yang mengajar subjek Prinsip Ekonomi dan pelajar-pelajar semester satu yang mengikuti pengajian diploma di Jabatan Perdagangan iaitu kelas DINS 1, DPR 1, DPM 1, DPP 1.

Seterusnya, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga sumbangan dan jasa baik kalian mendapat rahmat dari-Nya. InsyaAllah.

ABSTRAK

Dalam dunia pendidikan, terdapat pelbagai kaedah pembelajaran yang telah diperkenalkan termasuklah kaedah pembelajaran yang menggunakan pendekatan pembelajaran bermodul secara sendiri. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji kesesuaian Modul Prinsip Ekonomi dalam topik Teori Permintaan Dan Penawaran yang telah dihasilkan bagi pelajar yang mengikuti pengajian Diploma di Jabatan Perdagangan Politeknik. Antara aspek yang dikaji ialah untuk menilai sama ada modul yang dihasilkan dapat memenuhi ciri-ciri modul yang baik, modul yang dihasilkan dapat membantu pensyarah menyampaikan pengajarannya dengan lebih berkesan, modul yang dihasilkan dapat membantu meningkatkan tahap kefahaman dan penguasaan pelajar dan modul yang dihasilkan dapat mencapai objektif-objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Kajian ini dilakukan ke atas 144 orang pelajar semester satu yang mengikuti pengajian diploma dan 5 orang pensyarah yang mengajar subjek Prinsip Ekonomi di Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor. Kaedah analisa data yang digunakan dalam kajian ini ialah skor min dan peratus. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa modul yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri modul yang baik, membantu pensyarah menyampaikan pengajarannya dengan lebih berkesan, membantu meningkatkan tahap kefahaman dan penguasaan pelajar dan membantu mencapai objektif-objektif pembelajaran. Ini bermakna secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa modul yang dihasilkan oleh pengkaji adalah sesuai digunakan oleh pelajar-pelajar semester satu yang mengikuti pengajian diploma di Jabatan Perdagangan peringkat politeknik. Seterusnya, beberapa pandangan telah dikemukakan bagi meningkatkan mutu dan kualiti MPK yang dihasilkan. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan.

ABSTRACT

In education field, there are lots of teaching methods that have been exploited and one of the method is learning through Self-Learning Module. This research is to study whether this Self-Learning Module is suitable to the first semester diploma students in Commerce Department Polytechnics. A few aspects have been assessed in this research, the first aspect focused whether the module fulfill the criteria of good module, second aspect is to determined whether the module helps the lecturer in their teaching process, third is to determined whether the module helps students to understand the content through learning and whether the module fulfill the learning objective. The sample are selected randomly from Commerce Department in Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor. 144 students meanwhile 5 lecturer who teach economic were selected in order to responds to the four reseach question. In analyzing the questionnaires, score mean and percentage method had been used. Findings shows that the module development fulfill the criteria of good module, helps the lecturer in their teaching process, helps students to understand the content through learning and fulfill the learning objective. At the end of the research, all aspect that have been studied shows that this Self-Learning Module is suitable to be used by the diploma students in Commerce Department Polytechnics. A few recommendation were given to improve the effectiveness and quality of instructional learning module. I believe this research could introduce something new through learning process to the particular person who involve in education.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN BERJUDUL	i
	PERAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
I	Pengenalan	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	1
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Persoalan Kajian	4
	1.4 Objektif Kajian	5

1.5	Kepentingan Kajian	5
	1.5.1 Pensyarah	6
	1.5.2 Pelajar	6
1.6	Skop Kajian	6
1.7	Batasan Kajian	7
1.8	Definisi Istilah	8

II

SOROTAN KAJIAN

2.0	Pengenalan	10
2.1	Konsep Bahan Pembelajaran Kendiri (Modul)	10
	2.1.1 Definisi Modul	11
	2.1.2 Teori Yang Menekankan Mengenai Penulisan Modul	12
2.2	Modul Pembelajaran Kendiri (MPK)	15
	2.2.1 Tujuan MPK	17
	2.2.2 Kelebihan MPK	18
	2.2.3 Kelemahan MPK	18
2.3	Pengajaran Bermodul	19
2.4	Kriteria Asas Sesebuah Modul	20
2.5	Ciri-Ciri Modul Yang Baik	21
2.6	Rasional Pembinaan Modul	23
2.7	Prinsip-Prinsip Pedagogi	24
2.8	Model Rekabentuk Pengajaran ASSURE	26
2.9	Model Rekabentuk Pengajaran Dick&Carey	28
2.10	Rumusan	32



III**METODOLOGI**

3.0	Pengenalan	33
3.1	Rekabentuk Kajian	34
3.2	Pembolehubah Kajian	37
3.3	Responden/Sumber Data	37
3.4	Instrumen Kajian	38
3.5	Analisis Data	41
3.6	Kaedah Penganalisan Data	44
3.7	Kajian Rintis	45
3.8	Pengedaran Soal Selidik	45
	3.8.1 Pengumpulan Soal Selidik	46
3.9	Andaian Kajian	47

IV**REKABENTUK MODUL**

4.0	Pengenalan	48
4.1	Prosedur Pembangunan Garis Kasar Kandungan Modul	48
	4.1.1 Fungsi Garis Kasar Kandungan Modul	49
	4.1.2 Komponen Garis Kasar Kandungan Modul	50
4.2	Garis Panduan Dalam Penulisan Modul	51
	4.2.1 Mudah Untuk Dipelajari	51
	4.2.2 Persembahan Kandungan Modul Yang Menarik	52
	4.2.3 Menggalakkan Pembelajaran Yang Aktif	54
	4.2.4 Modul Ditulis Dalam Bahagian Yang Kecil	55
4.3	Format Modul	58
	4.3.1 Pengenalan	58
	4.3.2 Aktiviti Pembelajaran	59
	4.3.3 Penutup	60
	4.3.4 Skema Jawapan	60
	4.3.5 Rujukan	60



4.4	Kronologi Penghasilan Modul	62
4.5	Permasalahan Dalam Menghasilkan Modul	63
4.6	Perkakasan, Anggaran Kos Dan Masa Menghasilkan Modul	63
4.7	Penilaian Modul	64
4.8	Rumusan	64

V

ANALISIS DATA

5.0	Pengenalan	65
5.1	Analisis Kajian Rintis	66
5.2	Analisis Responden (Pelajar)	66
5.2.1	Analisis Skor Min Dan Peratus Responden	66
5.2.1.1	Analisis Skor Min Dan Peratus Responden Bahagian I	67
5.2.1.2	Analisis Skor Min Dan Peratus Responden Bahagian III	69
5.2.1.3	Analisis Skor Min Dan Peratus Responden Bahagian IV	71
5.2.2	Analisis Data Soalan Terbuka Responden	73
5.3	Analisis Responden (Pensyarah)	76
5.3.1	Analisis Skor Min Dan Peratus Responden	76
5.3.1.1	Analisis Skor Min Dan Peratus Responden Bahagian I	77
5.3.1.2	Analisis Skor Min Dan Peratus Responden Bahagian II	79
5.3.1.3	Analisis Skor Min Dan Peratus Responden Bahagian III	81
5.3.1.4	Analisis Skor Min Dan Peratus Responden Bahagian IV	83
5.3.2	Analisis Data Soalan Terbuka Responden	84



VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.0	Pengenalan	86
6.1	Perbincangan Dapatan Kajian	86
6.1.1	Modul Yang Dihasilkan Memenuhi Ciri-Ciri Modul Yang Baik	87
6.1.2	Modul Yang Dihasilkan Membantu Pensyarah Menyampaikan Pengajaran Dengan Berkesan	89
6.1.3	Modul Yang Dihasilkan Membantu Meningkatkan Tahap Kefahaman Dan Penguasaan Pelajar	90
6.1.4	Modul Yang Dihasilkan Membantu Mencapai Objektif Pembelajaran	91
6.2	Kesimpulan	92
6.3	Cadangan Kajian Lanjutan	93
6.4	Penutup	95
	BIBLIOGRAFI	96
	LAMPIRAN A	101
	LAMPIRAN B	107
	LAMPIRAN C	108
	LAMPIRAN D	110
	LAMPIRAN E	127

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert Empat Mata	40
3.2	Pengiraan Skor Min Untuk Skala Likert	42
3.3	Ukuran Terhadap Persetujuan Min Yang Telah Diubahsuai	42
4.1	Bahan Dan Kos Produk	64
5.1	Min Item-Item Bahagian I: Modul Yang Dihasilkan Memenuhi Ciri-Ciri Modul Yang Baik	67
5.2	Min Item-Item Bahagian III: Modul Yang Dihasilkan Membantu Meningkatkan Tahap Kefahaman Dan Penguasaan Pelajar	69
5.3	Min Item-Item Bahagian IV: Modul Yang Dihasilkan Membantu Mencapai Objektif Pembelajaran	71
5.4	Min Item-Item Bahagian I: Modul Yang Dihasilkan Memenuhi Ciri-Ciri Modul Yang Baik	77
5.5	Min Item-Item Bahagian II: Modul Yang Dihasilkan Membantu Pensyarah Menyampaikan Pengajaran Dengan Lebih Berkesan	79
5.6	Min Item-Item Bahagian III: Modul Yang Dihasilkan Membantu Meningkatkan Tahap Kefahaman Dan Penguasaan Pelajar	81

5.7	Min Item-Item Bahagian IV: Modul Yang Dihasilkan Membantu Mencapai Objektif Pembelajaran	83
6.1	Min Keseluruhan Setiap Bahagian Bagi Pensyarah Dan Pelajar	87



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Rekabentuk Model Dick & Carey	29
3.1	Rekabentuk Kajian	34
3.2	Pembolehubah Kajian	37
3.3	Penentuan Populasi Kajian	37
4.1	Format Garis Kasar Kandungan Modul	50
4.2	Carta Aliran Format Modul	61
4.3	Kronologi Penghasilan Modul	62



PPTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

ABBM	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
MPK	-	Modul Pembelajaran Kendiri
SPSS	-	<i>Statistical Packages for Social Sciences</i>
PSA	-	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
DPR	-	Diploma Pemasaran
DINS	-	Diploma Insurans
DPP	-	Diploma Pengajian Perniagaan (Pengurusan)
DPM	-	Diploma Pengajian Perniagaan (Antarabangsa)



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	101
B	Jadual Penentuan Saiz Sampel	107
C	Output Kajian Rintis	108
D	Output Data SPSS	110
E	Modul Pembelajaran Kendiri	127



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Perbincangan bab ini dibahagikan kepada beberapa tajuk kecil iaitu latar belakang masalah, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian dan definisi istilah. Pengkaji menghuraikan secara terperinci setiap bahagian agar pembaca memperoleh gambaran yang jelas terhadap kajian yang dijalankan.

1.1 Latar Belakang Masalah

Senario pendidikan masa kini menuntut perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) seiring dengan perkembangan dunia semasa. Kaedah P&P yang digunakan oleh pensyarah sentiasa memerlukan perubahan sesuai dengan kehendak pelajar agar misi dan visi pendidikan dapat dicapai secara menyeluruh. Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) merupakan salah satu elemen yang penting dalam proses P&P (Anung, 2002).

ABBM bukan sahaja dapat membantu pendidik meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran mereka malah ia membantu memudahkan proses pembelajaran para pelajar. Secara khusus, ABBM berguna untuk menolong para pelajar

memahami konsep-konsep atau idea-idea yang abstrak dan kompleks. Di samping itu, menurut Supyan (2000) yang dipetik daripada Khairul Azman (2002) penggunaan ABBM yang sesuai dapat meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan dan menjimatkan masa mereka serta memenuhi keperluan, tahap dan citarasa yang berbeza-beza di kalangan para pelajar.

Penggunaan ABBM juga perlu dirancang secara sistematik untuk memastikan keberkesanan dan kesesuaian penggunaannya dalam proses pengajaran. Menurut Amir (1987) keberkesanan penggunaan ABBM dalam pendidikan hanya boleh dicapai jika pendidik telah melalui lima fasa iaitu membiasakan diri, mengguna, mengintegrasikan, mengorientasikan dan mengevolusi teknologi tersebut. ABBM yang dimaksudkan ialah CD interaktif, manual, buku teks, modul dan sebagainya yang berkaitan dengan proses pembelajaran. Berdasarkan kepada Supyan (2000), penghasilan modul dapat membantu untuk mengatasi masalah kefahaman dan penguasaan pelajar dalam sesuatu topik pelajaran.

Selain itu, penambahan sumber-sumber pembelajaran dalam pelbagai bentuk dan format boleh menyebabkan pembelajaran berasaskan sumber (*resource-based-learning*) menjadi lebih berkesan. Berdasarkan kepada Raha (2002) dalam artikel yang bertajuk "Memperkasa Pendidikan Vokasional", guru perlu mahir menggunakan ABBM yang dikenalpasti secara optimum bagi memperoleh kesan yang positif dalam pengajarannya. Guru juga perlu mengamalkan dan menguasai beberapa strategi pengajaran untuk mencapai pengoptimuman penggunaan sumber pembelajaran.

Prinsip Ekonomi merupakan mata pelajaran yang harus diambil oleh pelajar-pelajar di politeknik yang mengikuti hampir keseluruhan kursus yang ditawarkan di bahagian Jabatan Perdagangan Politeknik. Antara kursus-kursus yang memerlukan pelajar mengambil subjek Prinsip Ekonomi ialah kursus Diploma Akauntansi, Diploma Pengajian Perniagaan (Pengurusan), Diploma Pemasaran, Diploma Kewangan Dan Perbankan, Diploma Insurans serta Diploma Pengajian Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa). Ini menunjukkan pencapaian pelajar dalam subjek Prinsip Ekonomi perlu dipandang serius oleh pensyarah kerana ia akan mempengaruhi prestasi akademik pelajar.

1.2 Pernyataan Masalah

Masalah yang sering menjadi topik perbincangan ialah kurangnya penumpuan pelajar di dalam kelas dan kesukaran mereka untuk memahami sesuatu topik yang diajar oleh guru di dalam kelas. Fenomena ini berlaku kerana tidak ada satu medium yang boleh menarik perhatian pelajar untuk mengikuti pembelajaran dan kesukaran mereka untuk memahami apa yang disampaikan oleh guru (Mohd. Faudzi, 1993). Kebanyakan di politeknik pensyarah hanya menyediakan nota edaran dan berpandukan kepada buku teks tertentu dalam proses P&P. Begitu juga bagi mata pelajaran Prinsip Ekonomi.

Menurut Mohd Faudzi (1993), penggunaan buku teks dalam pengajaran lebih mencerminkan perancangan berpusatkan guru di mana guru membaca dan memberikan penerangan kepada pelajar. Melalui cara ini guru menyampaikan pengetahuan kepada pelajar dan pelajar diharap menerima pengetahuan yang disampaikan oleh guru. Cara ini tidak semestinya yang terbaik dalam menggunakan buku teks sebaliknya ia membatasi pembelajaran pelajar.

Di samping itu, kebanyakan buku teks adalah tebal yang boleh menjadikan pelajar bosan serta cuba untuk meringkaskan semula sesuatu topik pelajaran apabila mengulangkaji topik tersebut. Ini kerana kebanyakan buku teks tidak hanya merangkumi sukatan pelajaran bagi sesuatu subjek tetapi menyentuh keseluruhan isi kandungan mata pelajaran tersebut. Jika buku teks atau nota edaran yang diberikan kepada pelajar mempunyai kepelbagaian campuran media contohnya penggunaan grafik, jadual, graf dan sebagainya ia boleh menarik minat pelajar untuk membacanya (Purwanto Sandjaja, 2002). Selain itu, contoh-contoh pengiraan di dalam buku teks seharusnya memudahkan pelajar untuk mengetahui bagaimana sesuatu jawapan itu diperolehi dimana langkah-langkah permulaan penyelesaian sehingga proses terakhir pengiraan yang ditunjukkan distruktur dengan baik.

Oleh itu, kemungkinan pelajar tidak dapat menguasai isi pelajaran pada hari tertentu atau berasa sukar memahami sesuatu topik dengan jelas dapat diatasi. Ini adalah kerana setiap pelajar mempunyai tahap kefahaman yang berbeza-beza. Ada di antara mereka yang mentafsir data menggunakan otak kanan dan sebaliknya.

Menurut Rahil *et al.* (1997), pelajar yang menggunakan otak kanan akan lebih memahami sesuatu pembelajaran dengan mengambil kira faktor grafik, jadual, pengiraan, carta dan sebagainya bebanding mereka yang mempunyai otak kiri akan mentafsir data melalui pembacaan fakta.

Selain itu, dari kajian-kajian lalu, didapati tidak ada kajian khusus telah dibuat berkaitan dengan kesesuaian penggunaan modul pembelajaran sendiri (MPK) bagi matapelajaran ekonomi di peringkat politeknik. Oleh yang demikian, maka pengkaji berminat dan telah menjalankan satu kajian untuk melihat kesesuaian MPK yang telah dihasilkan terhadap pelajar semester satu yang mengikuti pengajian diploma di Jabatan Perdagangan Politeknik.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan berikut:

- 1) Adakah modul yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri modul yang baik?
- 2) Adakah modul yang dihasilkan dapat membantu pensyarah menyampaikan pengajarannya dengan lebih berkesan?
- 3) Adakah modul yang dihasilkan dapat membantu meningkatkan tahap kefahaman dan penguasaan pelajar?
- 4) Adakah modul yang dihasilkan dapat membantu mencapai objektif-objektif pembelajaran?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif yang telah ditetapkan iaitu:

- 1) Menilai sama ada modul yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri modul yang baik.
- 2) Menentukan sama ada modul yang dihasilkan dapat membantu pensyarah menyampaikan pengajarannya dengan lebih berkesan.
- 3) Mengenalpasti sama ada modul yang dihasilkan dapat membantu meningkatkan tahap kefahaman dan penguasaan pelajar berbanding sebelum penggunaannya.
- 4) Mengenalpasti sama ada modul yang dihasilkan dapat mencapai objektif-objektif pembelajaran yang telah ditetapkan.

1.5 Kepentingan Kajian

Secara umum, kajian ini diharap akan dapat menunjukkan bahawa pembangunan modul Prinsip Ekonomi untuk pelajar-pelajar politeknik yang mengikuti kursus yang ditawarkan di bahagian Jabatan Perdagangan Politeknik akan memberi manfaat dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Secara khusus, kepentingan kajian boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu pensyarah dan pelajar.

1.5.1 Pensyarah

Modul yang dihasilkan boleh digunakan oleh pensyarah sebagai sumber rujukan dalam proses pengajaran jika kefahaman yang diperolehi adalah lebih baik. Ia juga akan dapat membantu pensyarah mengajar dengan lebih sistematik dan seterusnya meningkatkan kualiti pengajarannya. Di samping itu, dengan penghasilan modul ini diharap para pensyarah dapat memantapkan proses pengajaran mereka serta meningkatkan prestasi kerja mereka di politeknik.

1.5.2 Pelajar

Pelajar boleh merujuk modul sebagai sumber rujukan bagi mengukuhkan kefahaman dan penguasaan topik pembelajaran dan menjadikan nota-nota lain sebagai rujukan tambahan. Modul yang dibangunkan juga berdasarkan sukatan pelajaran dan akan menggabungkan prinsip-prinsip pedagogi yang dapat memudahkan pelajar mengulangkaji pelajaran. Contohnya setiap topik disediakan dengan soalan latihan dan diikuti dengan skema jawapan bagi memudahkan pelajar mengenalpasti kelemahan mereka. Cara ini akan membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam topik yang bermasalah.

1.6 Skop Kajian

Kajian yang dilaksanakan hanya tertumpu kepada satu politeknik sahaja iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Kajian ini juga hanya melibatkan pensyarah-pensyarah PSA yang mengajar subjek Prinsip Ekonomi (P1106) dan pelajar-pelajar PSA semester satu yang mengikuti kursus yang ditawarkan di Jabatan Perdagangan Politeknik di peringkat diploma. Pengkaji juga hanya menfokus kepada empat persoalan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Di samping itu, skop kajian ini hanya mengambil kira pembangunan modul bagi menyelesaikan masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pembangunan

modul pula hanya merangkumi topik Teori Permintaan Dan Penawaran dalam sukatan pelajaran Prinsip Ekonomi bagi sesuatu sesi pembelajaran.

1.7 Batasan Kajian

Responden kajian hanya terdiri daripada pensyarah-pensyarah PSA yang mengajar subjek Prinsip Ekonomi dan pelajar-pelajar PSA semester satu yang mengikuti pengajian diploma di bahagian Jabatan Perdagangan. Di samping itu, modul yang ingin dibangunkan hanya merangkumi beberapa topik yang terkandung di dalam sukatan pelajaran Prinsip Ekonomi. Penilaian terhadap modul pula hanya merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Sejauhmana modul yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri modul yang baik.
- ii. Sejauhmana kandungan modul yang dihasilkan dapat membantu pensyarah menyampaikan pengajarannya dengan lebih berkesan.
- iii. Sejauhmana modul yang dihasilkan dapat membantu meningkatkan tahap kefahaman dan penguasaan pelajar.
- iv. Sejauhmana modul yang dihasilkan dapat mencapai objektif-objektif pembelajaran.

Oleh itu, kajian lanjut boleh dilakukan oleh penyelidik lain bagi membangunkan set modul terhadap topik-topik yang belum dihasilkan dan menilai keberkesanan modul yang dihasilkan atau modul berdasarkan aspek-aspek yang lain.

1.8 Definisi Istilah

Definisi istilah digunakan untuk menerangkan sesuatu istilah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Antaranya ialah:

1.8.1 Pembangunan Modul

Menurut Noresah (2000), pembangunan bermaksud menyediakan, pengeluaran hasil atau memberi hasil. Ia juga bermaksud penciptaan sesuatu atau mengakibatkan sesuatu dan penyebab terhasilnya sesuatu. Dalam kajian ini, pengkaji telah membangunkan modul bagi subjek Prinsip Ekonomi.

1.8.2 Prinsip Ekonomi

Dalam konteks kajian ini, Prinsip Ekonomi merupakan subjek atau matapelajaran yang perlu diambil oleh para pelajar yang mengikuti kursus di Jabatan Perdagangan Politeknik bagi memenuhi syarat kelayakan menamatkan pengajian mereka di peringkat sijil atau diploma.

1.8.3 Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM)

ABBM yang dimaksudkan adalah instrumen pendukung kegiatan P&P seperti lembaran pengajaran, modul, berupa *handout* dan sebagainya. Dalam kajian ini, ABBM yang dimaksudkan ialah modul.

1.8.4 Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

Baharuddin *et al.* (2002) mendefinisikan pengajaran sebagai kegiatan yang tersusun yang dibuat khusus untuk murid-murid dengan tujuan untuk membawa perubahan ke dalam diri mereka. Kegiatan yang dijalankan oleh guru haruslah bertujuan membawa pengetahuan baru, mengubah kepercayaan dan mengubah tingkah laku. Dalam kajian ini, pengajaran lebih menjurus kepada proses penyebaran ilmu kepada para pelajar.

Baharuddin *et al.* (2002) mendefinisikan pembelajaran sebagai satu proses dalaman yang menghasilkan perubahan tingkah laku yang agak kekal. Pembelajaran berlaku melalui tingkah laku pelajar yang aktif yang memperoleh pengalaman atau perkaitan baru. Dalam konteks kajian ini, pembelajaran merupakan proses mempelajari sesuatu ilmu, kemahiran dan pengalaman.

1.9 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini dapat memberi gambaran kepada para pembaca mengenai latar belakang kajian yang dijalankan merangkumi pernyataan masalah, persoalan-persoalan kajian yang perlu dijawab, objektif kajian dan kepentingan kajian. Perbincangan bahagian ini juga dapat membantu penyelidik menentukan skop kajian yang ingin dijalankan dan mengenalpasti batasan kajian yang wujud.

BAB II

SOROTAN PENULISAN

2.0 Pengenalan

Berhubung dengan kajian ini beberapa pengkaji telah membuat kajian dan memberi pandangan serta pendapat mereka berhubung dengan penggunaan modul sebagai alat bahan bantu mengajar (ABBM) yang efektif. Bab ini akan membincangkan konsep bahan pembelajaran sendiri (modul), definisi modul, teori yang menekankan mengenai penulisan modul, modul pembelajaran sendiri (MPK), pengajaran bermodul, kriteria asas sesebuah modul, ciri-ciri modul yang baik, rasional pembinaan modul, prinsip-prinsip pedagogi, model reka bentuk pengajaran ASSURE, model reka bentuk pengajaran Dick & Carey dan rumusan.

2.1 Konsep Bahan Pembelajaran Kendiri (Modul)

Di dalam bahagian ini, perbincangan menfokus kepada konsep modul dan beberapa falsafah yang ditekankan dalam pembentukan modul.

2.1.1 Definisi Modul

Menurut Anung (2002) modul merupakan bahan pembelajaran sendiri yang dihasilkan dengan cara yang dapat memudahkan proses pembelajaran tanpa bantuan daripada guru atau sesiapa sahaja. Di dalam menghasilkan modul, seseorang haruslah menyatakan secara jelas objektif pembelajaran yang ingin dicapai selepas mempelajari modul tersebut. Modul haruslah berbentuk '*self-explanatory*' atau '*self-contains*'. Ini bermaksud semua maklumat yang diperlukan bagi mencapai objektif haruslah terkandung dalam modul tersebut. Hanya dengan membaca modul pelajar mampu mencapai objektif tanpa membaca buku teks atau bahan pembelajaran yang lain.

Berdasarkan Kamdi (1990) yang dipetik daripada Shaharom (1994), modul merupakan suatu pakej pengajaran dan pembelajaran sendiri yang lengkap, mengandungi komponen-komponen pengajaran dan pembelajaran seperti objektif bahan, aktiviti pembelajaran, aktiviti penilaian serta arahan dan tatacara yang sistematik supaya para pelajar dapat mengikut langkah demi langkah untuk menguasai sesuatu unit pembelajaran dan membolehkan proses pembelajaran dilakukan secara individu.

Menurut Yusup (1997), modul terdiri daripada satu koleksi pengalaman pembelajaran yang terancang dan tersusun, biasanya dalam bentuk pengajaran sendiri. Ia dikumpul untuk mencapai objektif-objektif pembelajaran yang telah ditetapkan dalam jangka masa beberapa jam atau semester. Modul direka bentuk bersaskan unit-unit kecil pelajaran yang terdapat dalam sukatan pelajaran. Tiap-tiap unit boleh berdiri sendiri sebagai satu unit pelajaran yang bebas dan terpisah serta mewakili satu tajuk besar pelajaran.

Ee (1998) yang dipetik daripada Khairul Azman (2002) pula menyatakan modul merupakan satu panduan bercetak yang dibentuk untuk memimpin tingkah laku seseorang pelajar dalam mempelajari sesuatu topik atau mata pelajaran. Modul biasanya direka bentuk untuk membolehkan pelajar belajar secara bebas atau mampu belajar secara sendiri.

Menurut Anung (2002), kandungan modul pembelajaran secara relatif adalah lebih kecil berbanding dengan kandungan di dalam buku teks. Kebiasaannya buku teks terdiri daripada beberapa bab. Tetapi sekiranya modul ingin dihasilkan berdasarkan buku teks, kita haruslah menulis semula setiap bab daripada buku teks itu di dalam satu modul. Ini bermaksud sekiranya buku teks terdiri daripada tujuh bab, maka ia akan menghasilkan tujuh buah modul. Dengan lain perkataan skop kandungan modul adalah sama besar dengan skop kandungan buku teks.

Selain itu, kandungan pembelajaran di dalam modul dipersembahkan kepada unit-unit yang lebih kecil. Sekiranya topik modul boleh dibahagikan kepada beberapa sub topik, setiap sub topik boleh dipersembahkan di dalam satu unit. Tetapi ia mesti mengandungi penerangan lengkap terhadap konsep, prinsip ataupun prosedur (Anung, 2002).

Beliau juga berpendapat modul bukan hanya satu bentuk bahan bercetak, terdapat juga modul yang disediakan di dalam bentuk yang lain seperti program audio kaset, program video, CD- ROM, disket, transparansi dan lain-lain. Sebagai contoh pelajar dinasihatkan membaca petikan dan pada masa yang sama mendengar melalui audio kaset. Dengan cara itu pelajar akan mempelajari bagaimana membaca petikan dengan sebutan dan intonasi yang betul. Contoh yang lain ialah di dalam mempelajari biologi. Selepas membaca satu bahagian daripada modul mengenai peredaran darah di dalam tubuh badan manusia, pelajar di nasihatkan supaya menonton program video-CD yang menunjukkan fungsi jantung dan peredaran darah di dalam tubuh badan manusia.

2.1.2 Teori Yang Menekankan Mengenai Penulisan Modul

Modul dihasilkan berdasarkan pendapat atau teori yang berkaitan dengan proses pembelajaran, teknik pengajaran dan hubungan diantara tindakbalas dan motivasi pembelajaran.

i. Prinsip Pembelajaran

Berdasarkan Davies (1972) yang dipetik daripada Anung (2002) terdapat beberapa prinsip pembelajaran yang diterima iaitu:

- a) Pelajar akan berjaya mempelajari sesuatu sekiranya mereka menggunakan bahan itu secara aktif.
- b) Setiap orang belajar berdasarkan kepada kemampuan mereka sendiri. Sesetengah orang boleh mempelajari sesuatu dengan cepat manakala sesetengah orang mengambil masa yang lama untuk mempelajari bahan pembelajaran yang sama.
- c) Pelajar akan lebih bermotivasi untuk belajar sekiranya diberi penegasan. Ini bermaksud di dalam setiap langkah pembelajaran pensyarah perlu memberi peluang kepada pelajar untuk memberi respon dan setiap respon harus diberi tindak balas sama ada positif atau negatif.
- d) Sekiranya pelajar benar-benar memahami kandungan pembelajaran, ia akan lebih bermakna kepada mereka.
- e) Sekiranya pelajar lebih bertanggungjawab terhadap cara dan keputusan hasil daripada aktiviti pembelajarannya mereka mempunyai motivasi yang lebih baik untuk belajar.

ii. Prinsip Pengajaran

Apabila menghasilkan bahan pembelajaran sendiri atau modul bermaksud guru mengajar melalui penulisan. Oleh itu, sesetengah daripada langkah pengajaran yang digunakan apabila mengajar juga boleh digunakan di dalam modul. Terdapat banyak cara dan kaedah pengajaran. Boleh dikatakan setiap guru mempunyai cara pengajaran yang tersendiri yang berbeza daripada guru lain. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada Miller (1980) yang dipetik daripada Anung (2002) terdapat empat langkah asas pengajaran yang perlu diikuti iaitu:

a) Persembahan terhadap kandungan pembelajaran.

Pelajar belajar daripada maklumat yang diperolehi daripada persekitarannya. Di antara maklumat-maklumat tersebut adalah berkaitan dengan konsep, prinsip, prosedur atau fakta. Guru perlu mempersembahkan sesuatu prosedur dengan menerangkan atau membuat demonstrasi langkah di dalam membuat sesuatu. Di samping itu, guru boleh mempersembahkan prinsip atau hukum melalui eksperimen dan kemudian menerangkan formula atau hukum yang dapat dibuktikan daripada eksperimen tersebut. Manakala fakta boleh diterangkan dengan memberitahu atau menunjukkan maklumat kepada pelajar.

b) Menyediakan contoh.

Contoh adalah penting agar penerangan atau persembahan lebih jelas dan lebih bermakna. Seorang guru perlu menyediakan contoh yang baik supaya konsep yang dijelaskan mudah di fahami oleh pelajar. Guru perlu memberi beberapa contoh kepada konsep-konsep yang sukar agar pelajar mudah untuk memahaminya.

c) Menyediakan latihan.

Guru perlu menyediakan latihan untuk melihat sama ada pelajar telah dapat menguasai kandungan pembelajaran yang diajar. Kebiasaannya guru akan bertanya soalan kepada pelajar untuk melihat kefahaman pelajar terhadap konsep yang dipelajari. Di samping itu, pelajar juga diminta untuk menerangkan definisi dan ciri-ciri dengan menggunakan ayat mereka sendiri. Biasanya soalan yang dikemukakan adalah mudah bagi membolehkan pelajar menjawab dalam masa yang singkat.

d) Memberikan tindakbalas.

Tindakbalas adalah penting kepada pelajar kerana melalui tindakbalas pelajar akan mengetahui sama ada jawapan yang diberi betul atau salah. Tindakbalas yang positif akan membuatkan pelajar gembira dan memotivasikan mereka untuk memberikan lebih banyak jawapan.

Secara keseluruhannya, bahan pembelajaran sendiri atau modul merupakan bahan pembelajaran yang mudah untuk dipelajari oleh pelajar tanpa bantuan daripada guru, tutor ataupun fasilitator. Modul mestilah 'self-contains' atau 'self-explonatory' yang bermaksud ia mesti merangkumi maklumat yang diperlukan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Di samping itu, terdapat prinsip pembelajaran dan pengajaran yang menekankan cara penulisan modul yang baik.

2.2 Modul Pembelajaran Kendiri (MPK)

Terdapat beberapa takrifan mengenai modul pembelajaran sendiri (MPK). Menurut Postlethwait (1985) yang dipetik daripada Nurul Hayati (2002), MPK ditakrifkan seperti berikut:

"A self-contained, independent unit of instruction with the primary focus of few well-defined objectives. The substance of module consist of materials and instruction needed to accomplish these objectivities. The boundaries of a module are definable only in terms of stated objectivities".

(Nurul Hayati, 2002: 15)

Menurut Meyer (1988), MPK ditakrifkan sebagai:

"A self-contained semi programmed and self-pace unit of work designed to achieve highly specific objectives in short span of time, usually a few days or

*less. Usually, but not always based on an independent learning resources.
May or may not be unit of an extended course”*

(Meyer, 1988: 23)

Beliau juga berpendapat modul merupakan satu pembelajaran spesifik yang direka berdasarkan kriteria tertentu dan digunakan oleh guru dan pelajar sebagai rujukan utama dalam proses P&P. Modul juga dianggap satu bahan pemulihan yang membantu pelajar memahami dengan lebih terperinci sesuatu proses atau subjek pembelajaran. Contohnya penyediaan soalan latihan diikuti dengan jawapan.

Menurut Ee (1998), MPK digunakan sebagai teks utama atau sebagai bahan sokongan di samping bahan media bukan cetak yang lain seperti komputer, video, audio, slaid dan sebagainya. Isi kandungan modul mengandungi definisi fakta dan konsep, proses pemikiran, kemahiran serta sikap.

Menurut Shaharom & Yap (1993) para pelajar yang tidak mengalami masalah dalam memahami dan menguasai bahan pembelajaran dalam MPK boleh memilih sama ada ingin mengulang semula bahan pembelajaran yang sama atau meneruskan pembelajaran ke topik yang lain. Langkah ini dapat menjimatkan masa belajar dan juga membolehkan seberapa ramai pelajar mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Berdasarkan kepada Russel (1974) yang dipetik daripada Shaharom & Yap (1993) MPK boleh dihasilkan dalam pelbagai bentuk media seperti bahan bercetak, bahan-bahan visual seperti gambarajah, gambar-gambar, slaid dan filem, video, bahan-bahan audio seperti rakaman-rakaman, bahan-bahan sebenar seperti peralatan makmal dan dalam bentuk pengajaran lisan misalnya perbincangan. Di samping itu, memandangkan teknologi maklumat sedang pesat berkembang di negara kita, MPK juga boleh dihasilkan dalam bentuk perisian komputer.

Di Malaysia banyak kajian telah dijalankan mengenai kesan penggunaan MPK ke atas pencapaian akademik para pelajar. Mohd Nor (2001) yang dipetik daripada Murugas (2001) telah menjalankan kajian keberkesanan MPK dalam

Pendidikan Islam. Beliau telah menggunakan model kajian Solomon untuk mengukur keberkesanan tersebut. Sampel kajian yang telah dipilih ialah seramai 120 orang daripada dua buah sekolah kebangsaan dan dua buah sekolah agama. Hasil kajian mendapati bahawa reka bentuk modul tersebut mempunyai hubungan yang sangat signifikan dengan tahap kefahaman pelajar. Manakala jantina, gred mata pelajaran dan tahap pendidikan formal didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan modul.

Daripada takrifan-takrifan yang diberikan di atas dapatlah disimpulkan bahawa MPK merupakan pakej bahan pengajaran dan pembelajaran di mana ia membolehkan pelajar belajar sendiri (*self study*). Ia hanya memerlukan penggunaan masa yang singkat dan pelajar dapat belajar sendiri pada masa yang sesuai dengannya.

2.2.1 Tujuan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK)

Menurut Shahrarom (1994), pembentukan MPK mempunyai beberapa tujuan iaitu:

- 1) MPK bertujuan untuk membolehkan pelajar meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut kebolehan dan kadar sendiri.
- 2) Membolehkan pelajar memilih cara pembelajaran yang paling sesuai untuk diri mereka supaya pembelajaran akan lebih berkesan dan produktif.
- 3) Menyediakan pilihan dalam pelbagai tajuk yang terdapat dalam sesuatu mata pelajaran.
- 4) Membolehkan pelajar mengenalpasti kelebihan serta kelemahan mereka dan jika perlu mereka boleh mempelajari semula bahan pengajaran berkenaan.

2.2.2 Kelebihan Modul Pembelajaran Mandiri (MPK)

MPK dapat memberikan beberapa kelebihan kepada pelajar. Menurut Murugadas (2001), di antara kelebihanannya ialah:

- 1) Pelajar tahu bagaimana untuk menggunakan sumber yang tersedia untuk mereka.
- 2) Pelajar mempunyai kawalan ke atas pembelajaran mereka.
- 3) Pelajar tahu bagaimana untuk merancang pembelajaran, menilai prestasi dan mengkaji kelemahan mereka dalam pembelajaran tersebut.

2.2.3 Kelemahan MPK

Walaupun MPK mempunyai banyak kelebihan, namun ia juga mempunyai kelemahan tertentu. Menurut Sleight (1997) yang dipetik daripada Murugadas (2001), antara kelemahan MPK ialah:

- 1) Pelajar tidak dapat berkongsi idea atau pendapat dengan orang lain.
- 2) Pelajar harus memotivasikan diri tanpa bantuan dari orang lain. Jika pelajar tidak dapat memotivasikan diri mereka sendiri, maka sukar bagi mereka untuk menjalankan pembelajaran sendiri tersebut.
- 3) Jika tidak mempunyai kawalan ke atas sumber, mungkin ianya akan menjejaskan pembelajaran. Sumber merujuk kepada di mana kandungan isi pelajaran diperolehi.

2.3 Pengajaran Bermodul

Menurut Shaharom (1994) antara tujuan pengajaran bermodul ialah membolehkan para pelajar meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut kemampuan sendiri. Konsep kemampuan sendiri ini penting berdasarkan kepada kesedaran bahawa kejayaan yang dicapai oleh para pelajar bukanlah pada kadar yang sama dan mereka juga tidak mempunyai tahap kesediaan pada masa yang sama.

Menurut Burns (1971) yang dipetik daripada Nurul Hayati (2002) pengajaran bermodul membolehkan para pelajar memilih cara pembelajaran yang paling sesuai untuk diri mereka supaya pembelajaran akan menjadi lebih berkesan dan produktif. Dalam pengajaran bermodul biasanya ia mengandungi pelbagai aktiviti pembelajaran seperti membaca artikel, meneliti gambar, melukis rajah, menonton filem, video dan slaid, mendengar pita rakaman, meneliti bahan-bahan demonstrasi, mengambil bahagian dalam projek serta aktiviti-aktiviti di dalam kelas. Keadaan ini boleh merangsang para pelajar dalam pembelajaran mereka.

Menurut Shaharom & Yap (1993) pengajaran bermodul menyediakan pilihan dalam pelbagai tajuk yang terdapat dalam sesuatu mata pelajaran kerana guru menganggap para pelajar tidak mempunyai minat yang sama dan motivasi untuk mencapai sesuatu matlamat juga berbeza. Menurut Shaharom (1994) pengajaran bermodul membolehkan para pelajar mengenalpasti kelebihan dan kelemahan mereka dan jika perlu mereka boleh mempelajari semula bahan pembelajaran berkenaan menerusi aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam modul tersebut.

Sharifah Alwiah (1986) menyatakan bahawa melalui pengajaran bermodul, pelajar boleh mengulang semula bahan pembelajaran yang sama, meneruskan pembelajaran ke modul yang lain atau menukar cara pembelajaran mereka sesuai dengan keperluan dan keadaan semasa. Pengajaran bermodul juga tidak bermakna murid belajar sendirian. Perkara penting dalam pembelajaran ini ialah objektif yang harus dicapai oleh pelajar dengan bahan-bahan media seperti bahan bercetak, filem, slaid, video dan sebagainya yang mempunyai hubungan bermakna selaras dengan kehendak dan minat seseorang pelajar.

Menurut Corey (1967) yang dipetik daripada Koh (1984), terdapat dua ciri dalam pengajaran bermodul tetapi tiada dalam pengajaran konvensional. Pertama ialah pemerihalan dan penganalisaan yang teliti terhadap hasil pembelajaran yang dikehendaki secara berturutan terhadap isi kandungan. Kedua, perancangan, pengembangan dan pengawalan yang rapi ke atas perangsang atau persekitaran pengajaran untuk memperoleh gerak balas yang jelas daripada para pelajar terhadap jawapan yang betul.

2.4 Kriteria Asas Sesebuah Modul

Menurut Meyer (1988) kriteria asas sesebuah modul ialah:

1. Modul mestilah berupaya memberi pengetahuan atau kemahiran kepada penggunanya tanpa perlu menggunakan masa yang banyak untuk memahami sesuatu pengetahuan itu. Segala konsep yang terkandung di dalam subjek itu hendaklah diutarakan di dalam modul.
2. Modul juga dikatakan berupaya memenuhi kehendak pengguna (*Essentially Self-Contained*). Ia perlu mengandungi arahan dan membolehkan pelajar membaca secara terperinci dan menyelesaikan beberapa masalah.
3. Modul juga mestilah mengambilkira perbezaan dan berupaya membantu pengguna lebih memahami sesuatu subjek bergantung kepada latar belakang mereka. Jadi pengguna dapat mengetahui tahap penguasaan mereka terhadap subjek berkenaan.
4. Modul juga harus mempunyai objektif supaya modul yang dihasilkan jelas dan mencapai setiap objektif pengajaran dan pembelajaran yang dikehendaki. Objektif yang jelas dapat memudahkan penjelasan tentang sesuatu subjek, aktiviti pembelajaran dan membantu pelajar mengetahui arah tujuan pembelajaran mereka.

5. '*Self-instructional*'. Modul merupakan petunjuk asas yang dapat digunakan oleh pelajar dalam memahami dan mempelajari sesuatu subjek.
6. Modul yang dihasilkan perlulah mempunyai perkaitan yang optimal, mengikut urutan dan distruktur dengan baik. Maklumat akan lebih jelas sekiranya ia disusun mengikut hirarki rangkaian.
7. Menggunakan pelbagai media dan kaedah. Modul perlu menggunakan pelbagai media supaya dapat menarik minat pelajar dan memberikan peluang kepada mereka mempelajari pelbagai kaedah.
8. Menyediakan maklumat mengikut perkembangan pelajar. Ini dapat dilakukan dengan tindakbalas pelajar di dalam mencapai objektif melalui kuiz, senarai semak dan soalan yang diberikan. Dengan itu pelajar dapat membuat semula pembetulan dan merujuk semula modul.
9. Tindakbalas terhadap peneguhan pembelajaran dapat dilihat dengan cepat.
10. Menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif. Pelajar akan lebih berminat untuk bertanya soalan dan melibatkan diri dengan aktiviti pembelajaran.
11. Modul yang efektif dapat memaksimumkan sistem penilaian pelajar melalui objektif.

2.5 Ciri-Ciri Modul Yang Baik

Terdapat beberapa ciri yang mesti ada pada sesebuah modul yang ingin di bina. Menurut Warwick (1988) terdapat beberapa ciri-ciri modul yang baik iaitu:

- 1) Mengandungi arahan lengkap yang membolehkan pelajar memahami definisi, pengiraan, istilah dan aplikasi masalah.
- 2) Distruktur dengan betul dari segi konsep dan pembentukannya.

- 3) Mempunyai kaedah penyediaan dan penyelesaian masalah. Ia boleh dilakukan dengan menggunakan kreativiti dan keunikan media yang ada seperti graf, rajah, rangkaian atau hubungan.
- 4) Modul yang baik harus mempunyai pernyataan objektif.
- 5) Mementingkan pengukuhan dan kefahaman.

Berdasarkan kepada Yusup (1997) pula modul yang baik haruslah menepati ciri-ciri seperti berikut:

1) Rasional

Satu tinjauan tentang kandungan modul dan penjelasan tentang sebab-sebab modul itu digunakan.

2) Objektif

Satu senarai kemahiran, pengetahuan dan sikap yang harus dikuasai oleh pelajar selepas membaca sesuatu modul dimana objektif ditulis dalam bentuk prestasi.

3) Ujian masuk

Ujian untuk menentukan tahap pengetahuan atau kemahiran pelajar sebelum mengikuti modul atau untuk mengesan sebanyak mana pengetahuan atau kemahiran yang telah dikuasai oleh pelajar.

4) Bahan pelbagai media

Berbagai-bagai format media boleh digunakan bersama modul. Bahan pelbagai media ini akan menggalakkan penglibatan pelajar serta melibatkan sebanyak mungkin deria yang dapat membantu proses pembelajaran.

5) Aktiviti pembelajaran

Menggabungkan beberapa kaedah pengajaran yang sesuai dalam modul yang mana boleh menimbulkan minat serta memenuhi keperluan pelajar.



PTTA UTHM
BERKUALITI TUN AMINAH

6) Ujian sendiri

Ujian ini disediakan untuk menguji kemajuan dan pencapaian pelajar.

7) Ujian selepas

Ujian untuk mengukur sama ada objektif modul tercapai atau tidak.

Bourne (1988) yang dipetik daripada Nur Ratna (2002) juga mengatakan sesuatu modul yang baik adalah modul yang dapat menghasilkan kemahiran berfikir. Oleh sebab itu, sesuatu modul yang baik bukan hanya dapat memberikan pengetahuan bahkan dapat menyediakan kemahiran berfikir yang kritis dan kreatif. Tambahan beliau, modul yang baik juga dapat memotivasikan para pelajar dimana sehingga di akhir pembelajaran, para pelajar akan merasai kepuasan.

Jika dilihat terdapat persamaan pendapat diantara Warwick, Bourne dan Yusup di dalam membincangkan ciri-ciri yang perlu ada dalam pembinaan modul yang baik.

2.6 Rasional Pembinaan Modul

Menurut Shahri (1998) yang dipetik daripada Nurul Hayati (2002) rasional pembinaan modul ialah:

- i. Dapat meningkatkan kualiti pembelajaran.
- ii. Boleh menilai pencapaian sendiri.
- iii. Boleh menggabung jalinkan pelbagai media.
- iv. Bercirikan sendiri:
 - a) Pembelajaran mengikut keupayaan.
 - b) Pembelajaran pada bila-bila masa.
 - c) Boleh mengulang secara cekap.
 - d) Pembelajaran tanpa paksaan.

- v. Fleksibel:
 - a) Boleh di bahagikan kepada unit-unit kecil.
 - b) Boleh disusun secara berturutan.
 - c) Boleh dibentuk dalam pelbagai format.
 - d) Satu modul atau unit memenuhi bahagian lain.
 - e) Boleh menyempurnakan mana-mana bahagian.
 - f) Pembelajaran boleh di pilih daripada mana-mana urutan.
- vi. Kebebasan:
 - a) Pelajar bebas belajar.
 - b) Tanggungjawab pembelajaran kepada pelajar.
 - c) Tumpuan pada pembelajaran.
 - d) Aktiviti pembelajaran terarah bukan di arah.
- vii. Penyertaan Aktif:
 - a) Belajar serentak dengan latihan.
 - b) Pelajar dapat mengendalikan alatan.
 - c) Berlaku tindak balas serta merta kepada soalan.
 - d) Pendedahan bahan adalah sama kepada semua pelajar.
- viii. Guru
 - a) Bebas daripada kerja rutin mengulang pembelajaran.
- ix. Pelajar
 - a) Boleh berbincang sesama mereka.
 - b) Boleh bertindak sebagai tutor untuk menguasai kemahiran pembelajaran.

2.7 Prinsip-Prinsip Pedagogi

Pedagogi ialah sains pengajaran di mana ia menghuraikan proses pengajaran satu demi satu dan langkah demi langkah dengan cara saintifik iaitu berdasarkan penyelidikan, pemerhatian dan seterusnya rumusan (Sharifah Alwiah , 1986). Menurut WBP Simanjuntak (2002) pedagogi merupakan seni dan sains pengajaran terhadap pelajar, perancangan kandungan, pemindahan kandungan yang secara

BIBLIOGRAFI

Abdul Rahim Selamat (1990). *Teknologi sistem pengajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Alreck, P. L. & Settle, R. B. (1995). *The survey research handbook. Guidelines and strategies for Conducting a survey. Second Edition*. United States: McGraw-Hill.

Amir Awang (1987). *Corak pengajaran pengajaran: Suatu rancangan untuk menggubal unit dan kursus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anung Haryono (2002). *Self-learning materials*. Regional training on self-learning material development for ASEAN countries. Pulau Pinang: School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia.

Baharuddin Aris, Jamaluddin Hj. Harun, Noraffandy Yahya & Zaidatun Tasir (2002). *Teknologi pendidikan : Modul pengajaran*. Universiti Teknologi Malaysia: Tidak Diterbitkan.

Ee Ah Meng (1998). *Pedagogi II:Perlaksanaan pengajaran*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E. (1993). *How to design and evaluate research in education. Second Edition*. United State: McGraw-Hill.

Gillham, B. (2000). *Developing a questionnaires*. London: Wellington House.

Harulnizam Bin Mohamad (2003). *Penggunaan modul pembelajaran elektronik (MPE) pengenalan pelancongan H111: Tinjauan terhadap pensyarah dan pelajar diploma pengurusan pelancongan, Politeknik Johor Bahru*. Tesis Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional yang tidak diterbitkan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Khairul Azman Md Yusof (2002). *Penggunaan modul kejuruteraan jalan raya dalam pengajaran dan pembelajaran: Satu kajian di Politeknik Ungku Omar*. Tesis Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional yang tidak diterbitkan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Kembek Binti Ramlee (2003). *Modul pembelajaran sendiri (MPK) bagi mata pelajaran perakaunan kewangan II dalam tajuk perkongsian I untuk pelajar kursus Diploma Akauntansi semester 3 di Politeknik Ungku Omar*. Tesis Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional yang tidak diterbitkan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Koh Boh Boon (1984). *Bahan pengajaran sendiri terancang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Krejcie, R. V. & Morgon, D. W. (1970). *Determining sample size for research: Educational and psychological measurement*. United States: McGraw-Hill.

Meyer, G.R. (1988). *From design to implementation. Second edition*. United States: McGraw-Hill.

M. Lukman (2002). *Communicative language in module. Regional training on self-learning material development for ASEAN countries*. Pulau Pinang: School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia.

Mohamad Najib Bin Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Faudzi Bin Abd. Hamid (1993). *Kaedah pembelajaran dengan menggunakan Modul: Satu kajian kes*. Jurnal Pendidikan Guru.

Mohd. Salleh Abu & Zaidatun Tasir (2003). *Analisis data berkomputer SPSS 11.5 for windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.

Murugadas A/L Ramdas @ Chelamuthu (2001). *Penghasilan dan penilaian modul pembelajaran sendiri (MPKK) bagi meningkatkan penggunaan statistik dalam penyelidikan di kalangan pensyarah Jabatan Teknik Dan Vokasional (JPTV) KUittho*. Tesis Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional yang tidak diterbitkan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Noresah Baharum (2000). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norhayati Bt. Shafie (1992). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Ratna Bt. Masrom (2002). *Penghasilan modul bahasa pengaturcaraan C untuk pelajar-pelajar BTI 2133 Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn*. Tesis Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional yang tidak diterbitkan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Nurul Hayati Bt. Shamsuri (2002). *Penghasilan dan penilaian modul pengajaran sendiri pengenalan kepada perakaunan: Satu kajian kes di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional yang tidak diterbitkan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Purwanto Sandjaja (2002). *Graphic and illustration*. Regional training on self-learning material development for ASEAN countries. Pulau Pinang: School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia.

Raha Yaacob (2002). *Memperkasa pendidikan vokasional*. Harian Metro 15 Januari.

Rahil Mahyuddin, Habibah Elias & Kamariah Abu Bakar (1997). *Pedagogi II*. Selangor: Longman.18-38.

Shaharom Noordin (1994). *Sikap pelajar terhadap kaedah pengajaran bermodul: Satu kajian kes*. Jurnal Pendidikan Guru.

Shaharom Noordin & Yap Kueh Chin (1993). *Merekabentuk dan menilai modul pengajaran sendiri (MPK)*. Jurnal Pendidikan Guru.

Shaharom Noordin & Yap Kueh Chin (1993). *Penggunaan modul pengajaran sendiri (MPK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran*. Jurnal Pendidikan Guru.

Sharifah Alwiah Alsagoff (1986). *Ilmu pendidikan: Pedagogi*. Selangor: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.

Sudirman Siahaan (2002). *Content outline development*. Regional training on self-learning material development for ASEAN countries. Pulau Pinang: School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia.

Supyan Hussin (2000). *Modul: Alat bahan Bantu mengajar (ABM)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Warwick, D. (1988). *Teaching and learning through module*. England: Basil Blackwell.

WBP Simanjuntak (2002) *Adult learning*. Regional training on self-learning material development for ASEAN countries. Pulau Pinang: School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia.

Wiersma, W. (1995). *Research methods in education: An introduction*. Boston: Allyn and Bacon.

Yusup Hashim (1997). *Media pengajaran untuk pendidikan dan latihan*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Model reka bentuk pengajaran. Dicapai pada 4 Januari 2003 daripada laman web: http://webspi.hypermart.net/LAMan%20Pandu%20Utama/tp/model_rekabentuk_pengajaran.htm

Model reka bentuk pengajaran. Dicapai pada 16 Januari 2003 daripada laman web: <http://www.geocities.com/CapeCanaveral/Runway/6217/Reka.htm>



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH